

11. Hilang di Pusat Membeli-belah

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

kedai	menoleh
kereta mainan	menangis
bermain	mendakapnya

Pada suatu hari, keluarga saya pergi ke pusat membeli-belah. Kami sekeluarga masuk ke dalam sebuah kedai. Terdapat pelbagai jenis barang yang dijual di sini.

Ketika Ayah sedang mencuba sehelai baju, saya ternampak sebuah kereta mainan di bahagian mainan. Saya bergegas ke sana untuk bermain dengan kereta itu.

Beberapa minit kemudian, saya menoleh ke arah di mana ibu dan ayah saya berdiri tadi. Mereka tiada di situ. Saya mula menangis ketakutan.

Tiba-tiba, saya terdengar suara ibu. "Rasif!" panggil ibu. Saya pun berlari ke arah ibu lalu mendakapnya dengan erat. Saya berjanji tidak akan merayau lagi.